

# Perhutanan tani tingkat kelestarian ladang sawit



**Ladang** kelapa sawit perlu menerima amalan perhutanan tani kerana pendekatan ini mampu meningkatkan biodiversiti dan kelestarian, kata seorang pakar.

Pakar Pusat Penyelidikan Pertanian Perancis untuk Pembangunan Antarabangsa (Cirad), Profesor Alain Rival, berkata perhutanan tani membabitkan penggunaan tanah yang menggabungkan pokok dengan tanaman atau ternakan atau kedua-duanya.

Menerusi pendekatan ini, pemilik ladang kelapa sawit boleh memilih mana-mana spesies pokok hutan untuk ditanam di celah-celah kelapa sawit, memandangkan ruang 12 meter sudah memadai bagi tujuan perhutanan tani.

Sebagai contoh, Rival memetik Projek Cirad's Trails, yang mana pendekatan perhutanan tani di-

gunakan di atas tanah seluas 37 hektar di daerah Kinabatangan, Sabah untuk menggabungkan kelapa sawit dengan 15 spesies hutan berbeza.

"Mana-mana perladangan boleh melakukannya (perhutanan tani). Anda tidak memerlukan kawasan besar, malah anda boleh melakukannya dalam lima hektar. Daripada menanam 143 pokok pokok sehektar, anda hanya menanam 90 (ditambah spesies hutan yang lain) dan kemudian melihat perbezaannya.

"Ta bukan percubaan, ia (Projek Cirad's Trails) hanyalah plot demonstrasi untuk menunjukkan bahawa mengurangkan ketumpatan tidak memberi kesan ketara kepada hasil. Dari situ, anda boleh membangunkan beberapa projek lain kerana jarak anda antara pokok sawit ialah 12 meter, jadi anda

mempunyai banyak ruang," katanya ketika ditemui pada Kongres dan Pameran Minyak Sawit Antarabangsa Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) 2023 (PI-POC 2023).

## Persekitaran berdaya maju

Rival berkata, dalam ruang seluas 12 meter itu, pemilik tanah boleh menanam durian, manggis, lada dan vanila sebagai tanaman kontan.

Pekebun kecil khususnya boleh mendapat manfaat daripada tanaman kontan tambahan ini.

"Jika harga sawit lama semakin turun, mungkin (harga) vanila atau durian masih lagi baik. Anda tidak meletakkan semua harapan dalam bakul yang sama; anda sewajarnya mempelbagai pengeluaran anda," katanya.

Rival dalam pembentangannya

menjelaskan bahawa melalui amalan perhutanan tani, ia boleh menghasilkan persekitaran yang lebih lestari dan berdaya maju kepada hidupan liar.

"Matlamat kedua (perhutanan tani) adalah matlamat jangka panjang, dengan tujuan membentuk kesinambungan seperti tampalan landskap, yang menggabungkan kelapa sawit dengan perhutanan tani, ditambah dengan hutan itu sendiri dan kawasan riparian.

"Riparian ialah kawasan di sepanjang sungai, dan ia adalah titik panas biodiversiti. Kami mahu menggunakannya untuk mewujudkan rangkaian biodiversiti.

"Tetapi projek (Cirad's Trails) hanya menguji kebolehlaksanaan untuk mengadakan penanaman bersama, merangkumi spesies hutan serta kelapa sawit," katanya. **BERNAMA**